



"AKIDAH DIPERKASA, SYARIAH DILAKSANA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَفْغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَبْعُونَ وَلَهُوَ أَسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَالِيهِ يُرْجَعُونَ¹ ٨٣</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan hadirin sekalian agar bertakwa kepada Allah dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan itu kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Pada detik-detik yang barakah ini marilah sama-sama kita tumpukan sepenuh perhatian kepada khutbah hari ini yang bertajuk "AKIDAH DIPERKASA SYARIAH DILAKSANA.</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	6
<p>Dalam al-Quran, Allah berfirman melalui firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 36:</p> <p>وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَأَجْتَنِبُوا الطَّغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ^{٣٦}</p>	7

¹ Ali Imran : 83.



<p><i>"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut. Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayat petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya."</i></p>	8
<p>Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa Allah telah mengutuskan para Rasul bagi setiap umat manusia sepanjang zaman sejak Nabi Adam Alaihi Salam hinggalah umat yang terakhir, umat Nabi Muhammad SAW. Tugas mereka adalah untuk menyampaikan dan menunjuk jalan cara beragama yang benar dan lurus. Orang-orang yang patuh dan setia mengikut mereka disebut sebagai orang Islam yang beriman kepada Allah SWT, sebaliknya orang yang ingkar dan tidak mahu menerima ajaran yang dibawa oleh para Rasul mereka adalah orang yang kufur.</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah</p>	9
<p>Perjalanan dakwah penyampaian risalah para Rasul sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kepada seluruh umat manusia adalah umpama suatu perbarisan yang panjang, ia dikawal selia oleh para Nabi dan Rasul. Perbarisan tersebut diketuai oleh nabi Muhammad SAW, ketua kepada sekalian Nabi dan Rasul, baginda menjulang kalimah tauhid:</p> <p style="text-align: center;"></p>	10
<p>Kalimah tauhid inilah yang menjadi intipati ajaran yang didakwahkan oleh para Nabi dan Rasul bermula Nabi Adam Alaihi Salam lagi. Ia merupakan satu pengisytiharan tauhid yang tercerna dan mengalir dalam tubuh umat yang beriman kepada Allah SWT. Inilah suatu pegangan yang mantap dan akidah yang utuh. Bahkan mengakar dan menerjah ke dalam sanubari lantaran kukuh dan teguhnya iman mereka.</p>	11
<p>Hal ini digambarkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah Ibrahim ayat 24:</p> <p style="text-align: center;">أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ۚ</p>	12



<p><i>"Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit."</i></p>	13
<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Jika kita renung sejenak ke dalam diri sambil bermuhasabah, apakah kita turut serta dan berada di tengah-tengah perbarisan tersebut seiring dengan para anbia? Lalu kita akan berjaya sampai ke matlamat yang ditentukan Allah iaitu untuk memperoleh keredaan dan syurganya. Atau sebaliknya kita memilih jalan lain yang penuh pesona dan keseronokan tetapi hujungnya adalah kesesatan dan kemurkaan Allah. Wal 'iya zubillah.</p>	14
<p>Sebenarnya kita boleh memastikan bahawa kita berada dipihak mana apabila kita merujuk kepada Al-Quran dan Al Sunnah. Ketetapan ini telah dinyatakan oleh Nabi kita Muhammad SAW dalam hadis baginda yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><i>إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّتِي</i></p>	15
<p><i>"Sesungguhnya aku telah meninggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang kepada keduanya, kitab Allah dan sunnahku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al Hakim).</i></p>	16
<p>Bagi memahami kedua-dua sumber yang telah ditetapkan itu, mestilah mempelajarinya sedaya mungkin agar kefahaman kita bertepatan dengan ajaran yang sebenar melalui guru-guru yang bertauliah dan mempunyai kepakaran dalam bidang agama. Pengajian-pengajian di masjid dan surau padat dengan program-program pengajian yang menjelas dan mengajarkan ilmu yang sebenar. Oleh itu, adakah kita terpenggil untuk menyertainya?</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p>	17



<p>Sesungguhnya kekuatan akidah yang kita anuti masih belum sempurna selagi kita tidak mengamalkan segala perintah yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Demikian kehendak Allah dimana orang yang mengaku beriman mestilah membuktikan keimanan mereka dengan amal soleh.</p>	18
<p>Ini dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya dalam surah al-Asr ayat 1 hingga 3:</p> <p>وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ۝ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝</p>	19
<p><i>"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."</i></p>	20
<p>Dalam ayat yang lain Allah telah menegaskan bahawa orang yang mengaku beriman tidak ada pilihan lain kecuali tunduk dan patuh melaksanakan apa-apa yang diperintahkan oleh Allah SWT, firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 65:</p> <p>فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۗ</p>	21
<p><i>"Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya".</i></p>	22



<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Menelusuri khutbah pada hari ini, marilah kita ambil pengajaran dan penghayatan daripada perkara-perkara berikut untuk dijadikan panduan dalam hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa akidah yang kita anuti ini adalah akidah yang benar kerana ianya seiring dengan apa yang telah dibawa oleh Nabi-nabi terdahulu.2. Umat Islam wajib mempelajari dan mengamalkan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam agar sentiasa berada di jalan yang lurus dan diredai Allah SWT.3. Setiap individu yang telah ditauliahkan untuk menguruskan masjid mestilah menjalankan amanah tersebut dengan memastikan pengajian-pengajian yang disampaikan adalah daripada guru-guru yang mahir dalam ilmu-ilmu agama dan bertauliah	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّٰلَتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ١٥٣</p>	24
<p><i>"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa."</i></p> <p style="text-align: right;">(al-An'am : 153).</p>	25
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Kumpulan Al-Arqam.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18



*Khutbah Jumaat 24 Jan. 2020M / 28 Jumad Al-Ula 1441H: "Akidah Diperkasa, Syariah Dilaksana".
Jabatan Agama Islam Selangor*